KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** 22 JANUARI 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 6

# KPDN tambah lima barang SHMMP Tahun Baru Cina

**TELUK INTAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menambah lima barangan keperluan kritikal sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Tahun Baharu Cina berkuat kuasa 25 Januari sehingga 2 Februari ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, lima barangan itu ialah cili merah, bawang kuning besar, bawang merah besar import dan sawi pendek bagi jualan di Semenanjung sahaja.

"Manakala kepak ayam pula di Sabah, Sarawak dan Labuan sahaja. Pelaksanaan SHMMP ini berlangsung sembilan hari.

"Berbanding tahun lalu, kita dapat meningkatkan lima item (barangan) kepada 16 berbanding 11 sebelum ini yang akan dikuatkuasakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Pelancaran Program Jualan Rahmah Madani dan Pengumuman (SHMMP) Tahun Baharu Cina di Pasar Raya Lotus Teluk Intan, di sini semalam.

Sebanyak 11 item lain yang tertakluk pada SHMMP Tahun Baharu Cina ini ialah ikan bawal putih, udang putih, kobis bulat import, ubi kentang import, bawang putih dan halia tua import.

Selain itu, lobak merah, lobak putih, babi hidup, daging babi bahagian perut, daging dan lemak.

Armizan berkata, pertambahan barangan keperluan itu hasil perbincangan KPDN dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan pihak industri.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 3

# Rampas diesel, mercun, rokok RM3.5j

**Kuching:** Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak menumpaskan aktiviti penyeludupan dan penyelewengan subsidi dalam serbuan serbuan di negeri ini, kelmarin.

Komander Briged PGA Sarawak Senior Asisten Komisioner Dr Che Ghazali Che Awang berkata, serbuan itu dilaksanakan menerusi Op Taring Bravo 1, Op Taring Charlie dan Op Taring Batas.

Menurutnya, nilai rampasan mercun dan bunga api, diesel bersubsidi serta rokok dalam empat serbuan itu berjumlah RM3.5 juta.

"Kejayaan pertama dicapai dalam serbuan pada jam 12.05 tengah hari, 20 Januari (kelmarin) oleh sepasukan anggota dari Cawangan Risik Batalion 11 PGA, Kuching terhadap sebuah premis di sekitar bandar raya ini.

"Premis itu disyaki dijadikan tempat penyimpanan mercun dan bunga api. Polis juga menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 64 tahun dan hasil pemeriksaan lanjut menemukan sebanyak 597 kotak mercun dan bunga api yang disimpan di premis itu dengan anggaran nilai keseluruhan berjumlah RM2,149,200," katanya.

> *Polis menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 64 tahun dan hasil pemeriksaan lanjut menemukan sebanyak 597 kotak mercun dan bunga api yang disimpan di premis itu dengan anggaran nilai keseluruhan berjumlah RM2,149,200"*
>
> **Dr Che Ghazali**

Che Ghazali berkata, tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padawan untuk tindakan dan siasatan lanjut mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957.

"Pada jam 1.30 tengah hari pula, sepasukan anggota dari Cawangan Risik Batalion 10 PGA, Sibu melakukan serbuan dan pemeriksaan terhadap satu lokasi di sekitar Sibujaya yang disyaki dijadikan tempat penyelewengan diesel bersubsidi.

"Hasil serbuan yang dijalankan, dua lelaki tempatan berusia 26 dan 27 tahun ditahan serta hasil pemeriksaan lanjut menemukan sebanyak 2,110 liter diesel yang disimpan di lokasi itu dengan anggaran nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM647,428.

"Tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Sibu untuk tindakan dan siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Menurutnya, serbuan ketiga pula dilakukan pada 2 petang oleh pasukan Cwangan Risik Batalion 12 PGA, Miri terhadap sebuah premis di sekitar bandar raya itu yang disyaki dijadikan tempat penyimpanan mercun dan bunga api.

"Di dalam serbuan itu, seorang lelaki warga tempatan berusia 19 tahun dan hasil pemeriksaan lanjut menemukan sebanyak 153 kotak mercun dan bunga api yang disimpan di dalam premis dengan anggaran nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM550,800," katanya.

Menurutnya, pada jam 5 petang pula, sepasukan anggota Batalion 23 PGA, Sri Aman yang menjalankan Op Taring Batas menemui beberapa longgokan bungkusan plastik warna hitam ketika melakukan rondaan di kawasan Kampung Temong Mura, Tebedu, Serian.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemui sebanyak 300 karton rokok putih yang disimpan di dalam bungkusan itu dan anggaran nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM171,600," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 8

# KPDN perkenalkan lima barangan baharu sempena Tahun Baharu Cina

**TELUK INTAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menambah lima barangan baharu dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina kali ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, lima barangan itu ialah cili merah, bawang kuning besar, bawang merah besar import, sawi pendek atau sawi Jepun bagi Semenanjung manakala kepak ayam untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurutnya, penambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan barangan bagi SHMMP pada tahun ini untuk Tahun Baharu Cina adalah 16 berbanding 11 barangan pada tahun lepas yang akan dikawal di bawah skim berkenaan.

"Antara tiga inisiatif rakyat bersempena dengan Tahun Baharu Cina 2025 ialah program SHMMP tahun ini yang akan bermula pada 25 Januari hingga 2 Februari selama sembilan hari, iaitu empat hari sebelum perayaan dan empat hari selepas perayaan.

"Untuk tahun ini, hasil perbincangan KPDN bersama dengan industri dan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, jenis barangan yang akan terlibat dalam skim harga kawalan maksimum Tahun Baharu Cina 2025 adalah 16 barangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Jualan Rahmah Madani dan Pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2025 di pasar raya Lotus's Teluk Intan di sini pada Selasa.

Armizan menambah, skim kawalan harga berkenaan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang memberikan kuasa kepada KPDN untuk membuat penentuan harga maksimum barang-barang yang disenaraikan itu.

"Jadi, pihak pemborong dan peruncit hanya boleh menjual barang-barang tersebut tidak melebihi harga kawalan maksimum yang ditetapkan.

"Dalam masa sama, kita mengarahkan supaya semua jenis barangan ini akan ditandakan dengan label harga berwarna merah jambu dan pegawai penguat kuasa kita akan turun ke lapangan untuk melihat pematuhan serta melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan para peniaga di semua peringkat," katanya.

Beliau berkata, inisiatif lain ialah Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) bagi musim perayaan Tahun Baharu Cina akan diperbanyak, khususnya di kawasan tumpuan yang penduduknya terdiri daripada masyarakat Tiong Hua.

Katanya, kesemua inisiatif yang diperkenalkan termasuk Program Servis Ihsan Madani@Petronas AutoExpert (SIM@PAX), menggambarkan komitmen Kerajaan Madani di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. - *Bernama*

TheStar
HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 8

# Five new items added to festive price control scheme

**TELUK INTAN:** Five more items have been included in the Festive Season Maximum Price Scheme in conjunction with the Chinese New Year (CNY) celebration this year, says the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN).

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the five items are red chillies, large yellow onions, imported large shallots, short mustard or Japanese mustard for the peninsula, and chicken wings for Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan.

With the additional five items, he said, there are 16 items on the list for the Chinese New Year this year, compared to 11 last year.

He said the maximum price control scheme for the Chinese New Year period this year will be for nine days, from Jan 25 to Feb 2, which is four days before and four days after the day of the celebration.



**Check out:** Armizan (second from left) inspecting the prices of goods at the Lotus's Supermarket in Teluk Intan, Perak. — Bernama

Armizan said this at a press conference after the launch of the Rahmah Madani Sales Programme and the announcement of the scheme for the festive period at the Lotus's Supermarket here yesterday, Bernama reported.

Also present were Perak Domestic Trade, Cooperatives, Consumer Affairs and Chinese New Village Committee chairman Woo Kah Leong and KPDN secretary-general Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Armizan said with the enforcement of the price control scheme, through the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, wholesalers and retailers should not sell the goods in the list exceeding the maximum control price that has been set.

The goods should also be marked with pink price tags, he added.

On the Rahmah Madani Sales Programme for the Chinese New Year, he stated that it will be expanded, particularly in focus areas with a Chinese population.

"As of Jan 20, a total of 472 Chinese New Year PJRMs have been held, and more will be held," he said, adding that the introduction of these initiatives reflected the commitment of the Madani government to reduce the people's burden.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES
HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 6

UP TO 15 PER CENT?

# Ministry monitoring claims of service charge hike by eateries

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is monitoring recent claims that certain restaurants have raised their service charges for the Chinese New Year period.

Its director-general of enforcement, Datuk Azman Adam, told the *New Straits Times* that the ministry was looking into the matter under its anti-profiteering regulations.

It is understood that the ministry has not yet received any official report regarding the case.

Earlier, in a Free Malaysia Today report, the Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association said its members would increase their service charges during the festive period.

According to its president, Wong Teu Hoon, the service charge would rise to 15 per cent, up from the usual 10 per cent, as a tip for staff working during the first two days of Chinese New Year, which falls on Jan 29 and 30.

Wong said that while the association did not regulate the decisions of its members, restaurants were free to set their own service charges.

"Notices have been issued to inform customers of the increase, allowing them to decide whether to dine at these establishments."

The increase in service charges, which does not include the 6 per cent sales and service tax, has sparked concerns among customers, particularly following a backlash on social media.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 2

# SHMMP: KPDN perkenal 5 barangan baharu sempena Tahun Baharu Cina



TELUK INTAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menambah lima barangan baharu dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina (TBC) kali ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata tambahan lima barangan berkenaan ialah cili merah, bawang kuning besar, bawang merah besar import, sawi pendek atau sawi Jepun bagi Semenanjung manakala kepak ayam untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau berkata penambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan barangan bagi SHMMP pada tahun ini untuk Tahun Baharu Cina adalah sebanyak 16 berbanding 11 barangan pada tahun lepas yang akan dikawal di bawah skim berkenaan.

"Antara tiga inisiatif rakyat bersempena dengan Tahun Baharu Cina 2025 ialah program SHMMP tahun ini yang akan bermula pada 25 Jan hingga 2 Feb selama sembilan hari, iaitu empat hari sebelum perayaan dan empat hari selepas perayaan.

"Untuk tahun ini, hasil perbincangan KPDN bersama dengan industri dan juga kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, jenis barangan yang akan terlibat dalam skim harga kawalan maksimum Tahun Baharu Cina 2025 adalah sebanyak 16 barangan," katanya.

Armizan berkata demikian dalam sidang media pada Majlis Pelancaran Program Jualan Rahmah Madani dan Pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2025 di pasar raya Lotus's Teluk Intan di sini, Selasa.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina Perak Woo Kah Leong serta Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Armizan berkata skim kawalan harga berkenaan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang memberi kuasa kepada KPDN untuk membuat penentuan harga maksimum barang-barang yang disenaraikan itu.

"Jadi, pihak pemborong dan peruncit hanya boleh menjual barang-barang terbabit tidak melebihi harga kawalan maksimum yang telah ditetapkan.

"Dalam masa yang sama, kita telah mengarahkan supaya semua jenis barangan ini akan ditandakan dengan label harga berwarna merah jambu dan pegawai penguat kuasa kita akan turun ke lapangan untuk melihat pematuhan serta melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan para peniaga di semua peringkat," katanya.

Selain itu, Armizan berkata inisiatif lain ialah Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) bagi musim perayaan Tahun Baharu Cina akan diperbanyak, khususnya di kawasan tumpuan yang penduduknya terdiri daripada masyarakat Tiong Hua.

"Setakat semalam, sebanyak 472 PJRM Tahun Baharu Cina telah pun berlangsung dan kita akan laksanakan (lagi). Masyarakat boleh semak di takwim PJRM dan (lokasi berlangsungnya PJRM) yang terdapat di laman web KPDN," katanya.

Beliau berkata kesemua inisiatif yang diperkenalkan termasuk Program Servis Ihsan Madani@Petronas AutoExpert (SIM@PAX) menggambarkan komitmen Kerajaan Madani di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 1

# 5 more items under CNY price scheme

**TELUK INTAN:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has included five additional items under the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) in conjunction with the Chinese New Year (CNY) celebration this year.

Its minister, Datuk Armizan Mohd Ali listed the five items as red chillies, large yellow onions, imported large shallots, short mustard or Japanese mustard for the Peninsula, and chicken wings for Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan.

With the additional five items, he said, there are 16 items on the list of SHMMP for CNY this year, from 11 last year.

He said the Festive Season Maximum Price Control Scheme for the Chinese New Year this year will be for nine days, from Jan 25 to Feb 2, which is four days before and four days after the day of the celebration.

Armizan said this at a press conference after the launch of the Rahmah MADANI Sales Programme and the announcement of the SHMMP scheme for the 2025 CNY at Lotus's Teluk Intan Supermarket on Tuesday.

Also present were Perak Domestic Trade, Cooperatives, Consumer Affairs and Chinese New Village Committee chairman Woo Kah Leong and KPDN secretary-general Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Armizan said with the enforcement of the price control scheme, through the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, wholesalers and retailers should not sell the goods in the list exceeding the maximum control price that has been set.

The goods should also be marked with pink price tags, he added.

On the Rahmah MADANI Sales Program (PJRM) for the Chinese New Year, he said, it will be increased, especially in the focus areas where the population consists of the Chinese community. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 3

# KPDN includes five more items under SHMMP for CNY

**TELUK INTAN:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has included five additional items under the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) in conjunction with the Chinese New Year (CNY) celebration this year.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali has listed the five items as red chillies, large yellow onions, imported large shallots, short mustard or Japanese mustard for the Peninsular Malaysia, and chicken wings for Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan.

With the additional five items, he adds, there are 16 items on the list of SHMMP for CNY this year, up from 11 last year.

According to him, the Festive Season Maximum Price Control Scheme for the Chinese New Year 2025 will be for nine days, from Jan 25 to Feb 2, meaning four days before and four days after the first day of the celebration.

Armizan said this at a press conference held after the launch of the Rahmah Madani Sales Programme and the announcement of the SHMMP for CNY 2025 at Lotus' Teluk Intan Supermarket here yesterday.

Also present were Perak Domestic Trade, Cooperatives, Consumer Affairs and Chinese New Village Committee chairman Woo Kah Leong, and KPDN secretary-general Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Armizan said with the enforcement of the price control scheme, through the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, wholesalers and retailers should not sell the goods in the list exceeding the maximum control price that had been set.

The goods should also be marked with pink price tags, he added.

On the Rahmah Madani Sales Programme (PJRM) for the Chinese New Year, he said, it would be increased, especially in the focus areas where the population consists of the Chinese community.

"As of yesterday (Jan 20), a total of 472 Chinese New Year PJRMs have been held and more will be held," he said, adding that the introduction of these initiatives reflected the commitment of the Madani Government under the leadership of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim to help reduce the people's burden. — Bernama



Armizan (third right) inspects the prices of items at Lotus' Teluk Intan Supermarket. With him are (from right) Woo and Mohd Sayuthi. — Bernama photo

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# SHMMP: KPDN perkenal lima barangan baharu

**TELUK INTAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menambah lima barangan baharu dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina kali ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata tambahan lima barangan berkenaan ialah cili merah, bawang kuning besar, bawang merah besar import, sawi pendek atau sawi Jepun bagi Semenanjung manakala kepak ayam untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau berkata penambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan barangan bagi SHMMP pada tahun ini untuk Tahun Baharu Cina adalah sebanyak 16 berbanding 11 barangan pada tahun lepas yang akan dikawal di bawah skim berkenaan.

"Antara tiga inisiatif rakyat bersempena dengan Tahun Baharu Cina 2025 ialah program SHMMP tahun ini yang akan bermula pada 25 Jan hingga 2 Feb selama sembilan hari, iaitu empat hari sebelum perayaan dan empat hari selepas perayaan.

"Untuk tahun ini, hasil perbincangan KPDN bersama dengan industri dan juga kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, jenis barangan yang akan terlibat dalam skim harga kawalan maksimum Tahun Baharu Cina 2025 adalah sebanyak 16 barangan," katanya.

Armizan berkata demikian dalam sidang media pada Majlis Pelancaran Program Jualan Rahmah MADANI dan Pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2025 di pasar raya Lotus's Teluk Intan di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina Perak Woo Kah Leong serta Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Armizan berkata skim kawalan harga berkenaan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang memberi kuasa kepada KPDN untuk membuat penentuan harga maksimum barang-barang yang disenaraikan itu.

"Jadi, pihak pemborong dan peruncit hanya boleh menjual barang-barang terbabit tidak melebihi harga kawalan maksimum yang telah ditetapkan.

"Dalam masa yang sama, kita telah mengarahkan supaya semua jenis barangan ini akan ditandakan dengan label harga berwarna merah jambu dan pegawai penguat kuasa kita akan turun ke lapangan untuk melihat pematuhan serta melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan para peniaga di semua peringkat," katanya.

Selain itu, Armizan berkata inisiatif lain ialah Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) bagi musim perayaan Tahun Baharu Cina akan diperbanyak, khususnya di kawasan tumpuan yang penduduknya terdiri daripada masyarakat Tiong Hua.

"Setakat semalam, sebanyak 472 PJRM Tahun Baharu Cina telah pun berlangsung dan kita akan laksanakan (lagi). Masyarakat boleh semak di takwim PJRM dan (lokasi berlangsungnya PJRM) yang terdapat di laman web KPDN," katanya.

Beliau berkata kesemua inisiatif yang diperkenalkan termasuk Program Servis Ihsan MADANI@Petronas AutoExpert (SIM@PAX) menggambarkan komitmen Kerajaan MADANI di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 10

# SHMMP: KPDN perkenal lima barangan baharu sempena Tahun Baharu Cina

## Program SHMMP tahun ini akan bermula pada 25 Januari hingga 2 Februari: Armizan

**TELUK INTAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menambah lima barangan baharu dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina kali ini.**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata tambahan lima barangan berkenaan ialah cili merah, bawang kuning besar, bawang merah besar import, sawi pendek atau sawi Jepun bagi Semenanjung manakala kepak ayam untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau berkata penambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan barangan bagi SHMMP pada tahun ini untuk Tahun Baharu Cina adalah sebanyak 16 berbanding 11 barangan pada tahun lepas yang akan dikawal di bawah skim berkenaan.

"Antara tiga inisiatif rakyat bersempena dengan Tahun Baharu Cina 2025 ialah program SHMMP tahun ini yang akan bermula pada 25 Januari hingga 2 Februari selama sembilan hari, iaitu empat hari sebelum perayaan dan empat hari selepas perayaan.



**TINJAU: Armizan (tengah) ketika meninjau harga barangan di Pasar raya Lotus's Teluk Intan semalam.** — Gambar Bernama

> "Untuk tahun ini, hasil perbincangan KPDN bersama dengan industri dan juga kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, jenis barangan yang akan terlibat dalam skim harga kawalan maksimum Tahun Baharu Cina 2025 adalah sebanyak 16 barangan."
>
> **Datuk Armizan Mohd Ali**
> *Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*

"Untuk tahun ini, hasil perbincangan KPDN bersama dengan industri dan juga kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, jenis barangan yang akan terlibat dalam skim harga kawalan maksimum Tahun Baharu Cina 2025 adalah sebanyak 16 barangan," katanya.

Armizan berkata demikian dalam sidang media pada Majlis Pelancaran Program Jualan Rahmah MADANI dan Pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2025 di pasar raya Lotus's Teluk Intan di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina Perak Woo Kah Leong serta Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Armizan berkata skim kawalan harga berkenaan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang memberi kuasa kepada KPDN untuk membuat penentuan harga maksimum barang-barang yang disenaraikan itu.

"Jadi, pihak pemborong dan peruncit hanya boleh menjual barang-barang terbabit tidak melebihi harga kawalan maksimum yang telah ditetapkan.

"Dalam masa yang sama, kita telah mengarahkan supaya semua jenis barangan ini akan ditandakan dengan label harga berwarna merah jambu dan pegawai penguat kuasa kita akan turun ke lapangan untuk melihat pematuhan serta melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan para peniaga di semua peringkat," katanya.

Selain itu, Armizan berkata inisiatif lain ialah Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) bagi musim perayaan Tahun Baharu Cina akan diperbanyak, khususnya di kawasan tumpuan yang penduduknya terdiri daripada masyarakat Tiong Hua.

"Setakat semalam (kelmarin), sebanyak 472 PJRM Tahun Baharu Cina telah pun berlangsung dan kita akan laksanakan (lagi). Masyarakat boleh semak di takwim PJRM dan (lokasi berlangsungnya PJRM) yang terdapat di laman web KPDN," katanya.

Beliau berkata kesemua inisiatif yang diperkenalkan termasuk Program Servis Ihsan MADANI@Petronas AutoExpert (SIM@PAX) menggambarkan komitmen Kerajaan MADANI di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. — Bernama

utusanborneo#digipapers.my@gmail.com

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU

TARIKH: 22/1/2025

M/SURAT: 15

# ‘Biar NACCOL uruskan isu padi, beras negara’

**Puchong:** Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, akan meminta portfolio urusan padi dan beras negara diserahkan kepada NACCOL buat sementara waktu.

Ahli Parlimen Bukit Gantang itu, berkata beliau akan mengemukakan permohonan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sidang Dewan Rakyat yang bermula 3 Februari ini bagi mencari penyelesaian isu padi dan beras dalam negara, yang berlarutan sejak dua tahun lalu.

Syed Abu Hussin Hafiz yakin isu itu dapat diselesaikan dalam tempoh tiga bulan, selepas mendakwa ia gagal diselesaikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

“Saya ambil tanggungjawab untuk selesaikan isu ini. Bagi masa kepada saya tiga bulan, insya-Allah boleh diselesaikan.

“Saya akan buat cadangan tanpa gangguan daripada kementerian atau Kawal Selia Padi dan Beras.

“Sebab itu saya minta seluruh isu beras dan padi diletakkan di bawah NACCOL (untuk tiga bulan). Tak payah kata tahun ini nak buat kajian demi kajian. Berapa lama nak kaji?

“Rakyat menilai dan jika isu beras pun tidak boleh selesai, bagaimana lagi dengan komoditi lain,” katanya pada sidang media di sini, semalam.



Keratan akhbar BH 14 Januari lalu.

Kerajaan kaji harga lantai belian padi RM1,300 satu tan

Minggu lalu, Mohamad berkata, pihaknya sedang mengkaji penjualan beras campuran bagi mendepani kekangan pengilang, khususnya Bumiputera yang tidak dapat menjual beras tempatan (BPT) pada kadar siling RM26 bagi kampit 10 kilogram (kg), iaitu harga yang ditetapkan sejak 2008.

Mohamad berkata, tiada larangan jelas mengenai pencampuran beras dalam Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522), malah cadangan itu turut disokong Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

Mengulas lanjut, Syed Abu Hussin Hafiz bagaimanapun mempersoalkan cadangan Mohamad itu kerana dakwa beliau, isu jualan beras campuran sudah lama berlaku, yang menjadi punca kehilangan BPT di pasaran.

“Isunya, BPT dikawal pada harga siling RM26, beras putih import (BPI) tidak dikawal, menyebabkan ia dijual lebih RM40.

“Ini mendorong kartel membuat manipulasi, yang mana BPT dicampur kepada BPI dan dibungkus sebagai BPI dan dijual di pasar raya,” katanya.

Justeru, beliau berpendapat, antara cara untuk menyelesaikan masalah beras dalam negara adalah penjualan beras putih MADANI, yang berharga RM30 bagi kampit 10kg mulai, menggantikan BPT dan BPI.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, cadangan itu sudah dikemukakan beliau pada mesyuarat NACCOL pada Februari tahun lalu, malah Perdana Menteri sebagai Pengerusi NACCOL memaklumkan, perkara itu akan diputuskan pada mesyuarat berikutnya.

“Cadangan itu sudah diedarkan ke kementerian dan jabatan untuk diperhalusi tapi malangnya, saya lihat Perdana Menteri amat prihatin dengan kos sara hidup.

“Perdana Menteri sudah umum, sepatutnya menterilah bertanggungjawab, arahkan Ketua Setiausaha (KSU) dan kepada Ketua Pengarah tapi ini tidak berlaku, menyebabkan tiada keputusan mengenainya sehingga hari ini,” katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau ada bertemu dengan Mohamad untuk membincangkan isu itu, Syed Abu Hussin Hafiz, berkata beliau cuba untuk mengadakan pertemuan setiap kali sidang Parlimen diadakan, namun tidak kesampaian.



Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 2

# Bung: It was based on public feedback

**Abbey Junior**

KOTA KINABALU: Kinabatangan MP and Sabah Umno Chief Datuk Seri Panglima Bung Moktar Radin thanked the swift response from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) and hoped the government would stay committed to addressing the root causes of price disparities.

"Chicken prices are not a political issue but a rakyat issue. It is a basic necessity that must be addressed collectively and holistically," he said in a statement.

Bung's statement followed KPDN Minister Datuk Armizan Mohd Ali's response that the Ministry is actively seeking solutions to tackle the higher prices of fresh chicken in Sabah and Sarawak compared to Peninsular Malaysia, and that the ministry is collaborating with Universiti Malaysia Sabah (UMS) and Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) on a Price Stabilisation Study, with findings expected to be presented this month.

Armizan was responding to Bung who criticised the huge price difference in fresh chicken prices in Peninsular Malaysia (RM7 to RM9 per kilogramme) and Sabah (RM12 to RM16.50).

Bung said he also welcomed studies by UMS and Unimas, saying he is eager to see the results.

"I believe they (findings) will provide a clearer picture of the reasons behind price differences for goods between Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia, and help in finding long-term solutions," he said.

Addressing reports of fresh chicken prices reaching RM16.50 per kg in Sabah, Bung said the information came from public feedback.

"This information was provided by the public, and I have asked them to report immediately if such prices are still being sold. If it is true, KPDN enforcement must take immediate action," he added.

Bung noted that publicity around the issue might already be discouraging sellers from charging such high prices. "I believe that after this issue went viral, most sellers would no longer dare to openly offer such prices," he said.

He also said that Umno Sabah, through its Public Relations and Community Consumer Council led by Datuk Awang Aslee, would submit a formal memorandum and complaint to KPDN.

"This issue is not new, but that is no excuse for any party, especially the current government, to provide simplistic answers that dismiss the efforts of previous administrations. What we need is a commitment to solving this problem effectively," he said.

Bung urged KPDN and other agencies to work together to reduce the price gap for essential goods between Sabah, Sarawak, and Peninsular Malaysia, stressing the importance of prioritising the issue for the people's well-being.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 5



David inspecting chicken prices at a supermarket in Kota Kinabalu.

# Consumer association to take action on traders for raising prices

**KOTA KINABALU:** National Consumer Foundation of Malaysia (YPNM) Sabah has called on traders not to take advantage of high demand for essential goods during the Chinese New Year season to increase the prices of essential goods.

Its chairman, David Chan, urged traders to act responsibly, especially in helping to ease the burden on consumers who are currently struggling with the rising cost of living.

According to him, his organisation will not hesitate to take action against any traders found to be engaging in unethical practices, particularly during the Chinese New Year festive season.

"As we approach the Chinese New Year, traders must refrain from arbitrarily raising the prices of essential goods. They must not exploit the situation or violate existing laws throughout Sabah.

"The consumer association has recently received complaints about chicken being sold at RM16.50 per kilogram, exceeding the price ceiling set by the government. Traders are reminded that controlled goods must be sold at or below the stipulated price.

"Taking advantage of high demand during the festive season is unethical and violates consumer rights," he said.

David also urged consumers who encounter traders violating regulations to lodge complaints or reports with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDNHEP). Reports can be made via WhatsApp at 019-2794317, by phone at (088-484368), or via email at e-aduan@kpdnkep.gov.my.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 2

# Peniaga diingatkan tidak naikkan harga sempena Tahun Baharu Cina

Oleh Kenneddy Corlleus

**KOTA KINABALU:** Yayasan Pengguna Nasional Malaysia (YPNM) Cawangan Sabah mengingatkan peniaga agar tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan keperluan semasa Tahun Baharu Cina.

Pengerusi YPNM Cawangan Sabah, David Chan, berkata golongan peniaga harus bersikap bertanggungjawab dan tidak membebankan pengguna yang pada masa kini tertekan dengan kenaikan kos sara hidup.

David berkata, pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana peniaga didapati mengamalkan sikap tidak beretika dalam perniagaan terutama dalam musim perayaan Tahun Baharu Cina.

"Menjelang perayaan Tahun Baharu Cina ini, peniaga jangan sesuka hati menaikkan harga barang keperluan dan jangan mengambil kesempatan atau melanggar akta sedia ada di seluruh Sabah.

"Persatuan Pengguna ada mereka menerima aduan baru-baru ini mengenai harga ayam yang dijual pada kadar RM16.50 sekilogram, melebihi harga kawalan ditetapkan kerajaan.

"Peniaga diingatkan bahawa barangan keperluan yang tertakluk kepada kawalan harga mesti dijual pada atau di bawah harga yang ditetapkan.

"Tindakan mengambil kesempatan atas permintaan tinggi semasa musim perayaan adalah tidak beretika dan melanggar hak pengguna," katanya.

Beliau berkata, pengguna yang mendapati penjual yang cuba melanggar peraturan supaya membuat aduan atau laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNHEP) sama melalui WhatsApp di talian 019-2794317 atau telefon (088-484368) atau e-mel kepada e-aduan@kpdnkep.gov.my.



**TINJAU:** David sedang memantau harga ayam di salah sebuah pasar raya di Kota Kinabalu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS
HARI: RABU
TARIKH: 22/1/2025
M/SURAT: 3







# 農曆新年頂價計劃
# 16種食材列統制品




（怡保21日讯）配合来临的农历新年，国内贸易及生活成本部将于本月25日起至2月2日之间，实施2025农历新年顶价计划（SHMMP），有16种食材被列为统制品，其中，包括了红辣椒、黄色大洋葱、进口红洋葱、小菜心／日本菜心、鸡翅等。

前四者仅在大马半岛落实，而鸡翅则仅限于沙巴、砂拉越和纳闽。

其他统制品包括：白鲳（200克至400克）、白虾（每公斤41至60只）、圆形进口白菜（不包括北京）、中国马铃薯、大蒜、进口老姜、红萝卜、白萝卜、生猪、猪肚、猪肉（瘦肉与脂肪）。

国内贸易和生活成本部部长拿督阿米占莫哈末阿里，今日在霹州安顺莲花霸市，主持农历新年昌明关怀销售计划推介礼后，公布农历新年统制品顶价详情。

他说，这项顶价计划为期9天，包括庆祝前后的4天及佳节当天，商也家可通过部门网站（www.kpdn.gov.my）查询详情。

他说，为确保商家遵守价格并保护消费者，执法员将在巴刹、农业市和节庆用品商场执行任务。



■阿米占莫哈末阿里（前左4），周二（21日）在安顺莲花霸市，出席农历新年昌明关怀销售计划推介礼和公布农历新年统制品顶价活动。左3为霹雳州行政议员吴家良。

他表示将与农业部合作确保统制品供应，并呼吁遵守价格规定，违规者将面临处罚。

他说，违规商家将根据价格控制法和反暴利法受罚，个人售卖超过顶价可罚最高10万令吉或监禁3年，或两者并处；公司最高罚款50万令吉。未标示粉红色标签的个人可罚最高1万令吉，公司最高罚2万令吉。

他说，民众若有投诉，可通过文字发送至019-848 8000；呼叫中心1-800-886-800；电邮e-aduan@kpdn.gov.my；应用程式 Ez ADU KPDN。

## 昌明關懷計劃助減過年負擔

国内贸易和生活成本部部长拿督阿米占莫哈末阿里说，该部也启动了2025年农历新年昌明关爱销售计划（PJRM），从去年10月开始实施，截至今年1月20日，全国已举办了472场相关活动。

他说，这项活动目的是帮助民众减轻庆祝新年时的生活成本。

此外，他说，该部在昌明关怀计划下，也推出“马石油汽车专家服务计划”，并在今年1月24日至28日之间展开。

他说，这是该部与马石油合作的新计划，帮助低收入群体减轻生活成本，提供10%至30%的汽车维修和润滑油折扣。消费者可通过SETEL应用程式预约全国95个石油汽车专家服务中心，享受优惠。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 22 JANUARI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 22-Jan | KPDN umum 16 barang terkawal SHMMP Tahun Baharu Cina 2025 | https://mgperak.com/kpdn-umum-16-barang-terkawal-shmmp-tahun-baharu-cina-2025/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 22-Jan | SHMMP: KPDN PERKENAL LIMA BARANGAN BAHARU SEMPENA TAHUN BAHARU CINA | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2385062 | BERNAMA |
| 22-Jan | KPDN senarai 16 barangan di bawah pelaksanaan SHMMP Tahun Baru Cina 2025 | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1179024/kpdn-senarai-16-barangan-di-bawah-pelaksanaan-shmmp-tahun-baru-cina-2025 | HARIAN METRO |
| 22-Jan | SHMMP: KPDN perkenal lima barangan baharu sempena Tahun Baharu Cina | https://www.sinarharian.com.my/article/708463/berita/nasional/shmmp-kpdn-perkenal-lima-barangan-baharu-sempena-tahun-baharu-cina | SINAR HARIAN |
| 22-Jan | SHMMP: KPDN tambah 5 barangan sempena Tahun Baru Cina | https://www.buletintv3.my/nasional/shmmp-kpdn-tambah-5-barangan-sempena-tahun-baru-cina/ | BULETIN TV3 |
| 22-Jan | Caj perkhidmatan kedai kopi naik 15 peratus sempena Tahun Baru Cina? | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/caj-perkhidmatan-kedai-kopi-naik-15-peratus-sempena-tahun-baru-cina/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 22-Jan | Restaurants' group to hike up service charge for CNY | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1164113/restaurants-group-hike-service-charge-cny | NEW STRAITS TIMES |
| 22-Jan | MP: Lepas ni, semua raya naik caj perkhidmatan restoran? | https://www.malaysiakini.com/news/732261 | MALAYSIA KINI |
| 22-Jan | Armizan tells Bung to be realistic when comparing prices of goods | https://www.dailyexpress.com.my/news/250564/armizan-tells-bung-to-be-realistic-when-comparing-prices-of-goods/ | DAILY EXPRESS |
| 22-Jan | Jangan Buat Dakwaan Tidak Berasas, Armizan Beritahu Bung Berkenaan Harga Ayam Sabah | https://sabahnews.com.my/jangan-buat-dakwaan-tidak-berasas-armizan-beritahu-bung-berkenaan-harga-ayam-sabah/ | SABAH NEWS |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 22-Jan | PGA rampas bunga api, diesel bersubsidi, rokok bernilai RM3.5 juta | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1179055/pga-rampas-bunga-api-diesel-bersubsidi-rokok-bernilai-rm35-juta | HARIAN METRO |
| 22-Jan | GOF foils bid to smuggle RM3.5mil worth of fireworks, diesel, cigarettes | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1164256/gof-foils-bid-smuggle-rm35mil-worth-fireworks-diesel-cigarettes | NEW STRAITS TIMES |
| 22-Jan | PGA rampas barangan bernilai RM52.3 juta dalam 16 kes sepanjang Januari 2025 | https://www.tvsarawak.my/2025/01/21/pga-rampas-barangan-bernilai-rm52-3-juta-dalam-16-kes-sepanjang-januari-2025/ | TV SARAWAK |
| 22-Jan | PGA made RM52.3 million in seizures in January 2025 | https://utusansarawak.com.my/pga-made-rm52-3-million-in-seizures-in-january-2025/ | UTUSAN SARAWAK |
| 22-Jan | Harga ayam bukan isu politik tapi isu rakyat – Bung Moktar | https://www.sabahgazette.com/harga-ayam-bukan-isu-politik-tapi-isu-rakyat-bung-moktar/ | SABAH GAZETTE |
| 22-Jan | Barang mahal: Bung Moktar berminat tunggu laporan kajian UMS | https://www.sinarharian.com.my/article/708499/berita/politik/barang-mahal-bung-moktar-berminat-tunggu-laporan-kajian-ums | SINAR HARIAN |
| 22-Jan | UMNO Sabah tunggu kajian perbezaan harga barang: Bung Moktar | https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/21/umno-sabah-tunggu-kajian-perbezaan-harga-barang-bung-moktar | UTUSAN BORNEO |
| 22-Jan | Bung tidak realistik jika banding harga ayam di Semenanjung. Banding harga di Sabah: Armizan | https://www.dailyexpress.com.my/news/250623/bung-tidak-realistik-jika-banding-harga-ayam-di-semenanjung-banding-harga-di-sabah-armizan/ | DAILY EXPRESS |
| 22-Jan | Gov't announces five new price control items for CNY | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/21/govt-announces-five-new-price-control-items-for-cny | THE STAR |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 22-Jan | Domestic Trade Ministry announces extended price scheme for CNY, adds red chillies and more | https://www.dailyexpress.com.my/news/250629/domestic-trade-ministry-announces-extended-price-scheme-for-cny-adds-red-chillies-and-more/ | DAILY EXPRESS |
| 22-Jan | Domestic Trade Ministry announces extended price scheme for CNY, adds red chillies and more | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/21/domestic-trade-ministry-announces-extended-price-scheme-for-cny-adds-red-chillies-and-more/164093 | MALAY MAIL |
| 22-Jan | SHMMP: KPDN perkenal lima barangan baharu sempena Tahun Baharu Cina | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/shmmp-kpdn-perkenal-lima-barangan-baharu-sempena-tahun-baharu-cina-505452 | ASTRO AWANI |
| 22-Jan | SHMMP: KPDN perkenal lima barangan baharu sempena Tahun Baharu Cina | https://www.sinarharian.com.my/article/708463/berita/nasional/shmmp-kpdn-perkenal-lima-barangan-baharu-sempena-tahun-baharu-cina | SINAR HARIAN |
| 22-Jan | Cili merah antara lima barangan baharu dalam skim harga kawalan perayaan | https://selangorkini.my/2025/01/cili-merah-antara-lima-barangan-baharu-dalam-skim-harga-kawalan-perayaan/ | SELANGOR KINI |
| 22-Jan | KPDN tambah lima barangan keperluan sempena SHMMP Tahun Baru Cina | https://www.kosmo.com.my/2025/01/21/kpdn-tambah-lima-barangan-keperluan-sempena-shmmp-tahun-baru-cina/ | KOSMO |
| 22-Jan | KPDN includes five more items under SHMMP for CNY | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1164146/kpdn-includes-five-more-items-under-shmmp-cny | NEW STRAITS TIMES |
| 22-Jan | KPDN includes five more items under SHMMP for CNY | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-includes-five-more-items-under-shmmp-for-cny-AB13560404 | THE SUN |
| 22-Jan | KPDN tambah lima barangan keperluan SHMMP Tahun Baharu Cina | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kpdn-tambah-lima-barangan-keperluan-shmmp-tahun-baharu-cina/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 22-Jan | 15 barangan disenarai SHMMP Tahun Baharu Cina | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/chicken-wings-15-barangan-disenarai-shmmp-tahun-baharu-cina | BERITA RTM |
| 22-Jan | Kopitiam chain hiking service charge from 10% to 15% for Chinese New Year sparks mixed reactions | https://thesun.my/style-life/going-viral/kopitiam-chain-hiking-service-charge-from-10-to-15-for-chinese-new-year-sparks-mixed-reactions-MB13561379 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT